

**PENGARUH STATUS SOSIO-EKONOMI DAN PENGLIBATAN
IBU BAPA TERHADAP PENCAPAIAN MATEMATIK
SEKOLAH RENDAH: KAJIAN DI LIMA
BUAH SEKOLAH DI ZON 1
DAERAH TAMBUNAN**



**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2012**

PENGESAHAN

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

05 Julai 2013

CARNELIA BT RASIN @ ANTONIA ROSIN
PT20117175C

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS DISERTASI

JUDUL : **PENGARUH STATUS SOSIO-EKONOMI DAN PENGLIBATAN IBU BAPA TERHADAP PENCAPAIAN MATEMATIK PELAJAR SEKOLAH RENDAH :KAJIAN DI LIMA BUAH SEKOLAH DI ZON 1 DAERAH TAMBUNAN**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

SAYA : **CARNELIA BT RASIN @ ANTONIA ROSIN** SESI PENGAJIAN : **2010/2011**

Mengaku membenarkan disertasi (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :-

1. Disertasi adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
4. Sila tandakan (/)

☐

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐☒

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

Disahkan Oleh

Carnelia

(CARNELIA RASIN @ ANTONIA)

Alamat Tetap :

(PROF. MADYA DR. SABARIAH SHARIF)

Tarikh : 04 JULAI 2013

Tarikh : _____

CATATAN:- *Potong yang tidak berkenaan

****Jika disertasi ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh disertasi ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.**

@ Tesis dimaksudkan sebagai Tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)

PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan yang Maha Esa yang memberikan keyakinan, kekuatan dan ketabahan untuk saya menyelesaikan penyelidikan ini. Dengan penuh kerendahan hati, saya ingin titipkan nama-nama mereka di lembaran ini.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih buat Pensyarah Penyelia saya, Profesor Madya Dr. Sabariah Sharif, Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial yang sentiasa sabar dan tidak jemu-jemu memberikan bimbingan, pendapat dan bantuan sehingga terhasilnya kajian ini.

Seterusnya, buat ayah dan bonda yang tersayang (Rosin Domprios dan Seruni Ukuan) atas segala doa dan pengorbanan yang tidak mampu saya balas buat selamanya.

Tidak lupa juga buat suami yang dikasihi, Jackellen Karim yang tidak pernah jemu dalam melontarkan sokongan yang tidak terhingga di saat-saat sukar dan duka atas nama kasih yang sejati.

Akhir sekali, kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung terutama kepada semua guru-guru serta rakan sejawat yang sentiasa memberi dorongan dan kekuatan semasa berhadapan dengan pelbagai cabaran kerjaya. Terima kasih atas segalanya.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap sosio ekonomi ibubapa dan tahap penglibatan ibubapa di rumah dengan pencapaian akademik pelajar sekolah rendah bantuan penuh kerajaan di kawasan Zon 1 Daerah Tambunan. Seramai 100 orang pelajar terlibat di dalam kajian ini. Sosio ekonomi ibubapa diukur dari aspek pendapatan, pekerjaan, perbincangan, penyeliaan dan komunikasi ibubapa di rumah. Pencapaian akademik pelajar merujuk kepada keputusan peperiksaan penggal kedua. Kajian ini menggunakan soalselidik sebagai instrument kajian dengan kesahan dan kebolehpercayaan ialah 0.912 (Nilai pekali kebolehpercayaan alpha). Data-data kajian dikumpul dan dianalisis menggunakan *"Statistical Package For Social Science"* (SPSS). Hasil kajian mendapati tahap sosio ekonomi ibubapa ialah (min=1.53) iaitu sederhana manakala tahap penglibatan ibubapa di rumah ialah (min=3.28) iaitu sederhana. Terdapat hubungan yang signifikan antara SSE dengan pencapaian matapelajaran Matematik pelajar ($r=436$, $p=000$, $p<0.01$). Terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan ibubapa dengan pencapaian matapelajaran Matematik pelajar iaitu ($r=395$, $p=000$, $p<0.01$). Penemuan kajian ini mendapati status sosio ekonomi dan penglibatan ibubapa merupakan faktor penting yang berkaitan dengan pencapaian akademik. Tumpuan harus diberikan kepada penglibatan ibubapa di rumah secara khusus.

ABSTRAC

The purpose of this research is to identify Parent's socio-economy status (SSE) parent's level of participation at home. The relationship between socio-economy status and parent's participation at home it's the academic achievement of 100 National Primary school students that select in Zone 1 at Tambunan district. The socio-economy status of the parent's was measure based on their occupation, education an income on the other hand; parent's participation was measured on their discussion, supervision and communication at home. The academic achievement of the students was referred form their last term exam results. This research used questionnaires as the research instrument with the validity and reliability of 0.912 (alpha reliability Coefficient value) for the item that were used to measure the parent's participation level. The research data was collected and processed using the "Statistical Package for Social Science" (SPSS) method. The research result show that the parent's socio-economy status was (Mean=1.53) while their participation at homes was (mean=3.28) whereby both score were on average level. There is a significant relationship between SSE and academic achievement ($r=436$, $p=000$, $p<0.01$). Parent's participation and academic achievement ($r=395$, $p=000$, $p<0.01$). The result from this research shows that the statuses of SSE and parent's participation are the important factor that contributes to the academic achievement. The parent's participation at home in particular should be given much consideration.

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	i
PENGESAHAN	ii
PENGHARGAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRAC	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi

1.1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	5
1.3	Pernyataan Masalah	9
1.4	Objektif kajian	11
1.5	Soalan Kajian	12
1.6	Hipotesis kajian	12
1.7	Kepentingan kajian	13
1.8	Batasan kajian	14
1.9	Definisi Operasional	15
	1.9.1 Pencapaian Akademik	15
	1.9.2 Status Sosio-ekonomi	16
	1.9.3 Penglibatan Ibu Bapa	19
1.11	Rumusan	20

2.0 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	22
2.2	Literatur Berkaitan	22
2.2.1	Teori Tentang Perhubungan Ibu Bapa-Anak (Teori Ekologi)	23
2.2.2	Teori Herarki Keperluan Maslow	26
2.3	Hubungan Antara Status Sosio Ekonomi Ibu Bapa Dengan Pencapaian Akademik	29
2.4	Hubungan Antara Penglibatan Ibu Bapa dengan Pencapaian Akademik	35
2.4.1	Perbincangan di Rumah	40
2.4.2	Penyeliaan di Rumah	42
2.4.3	Komunikasi di Rumah	44
2.5	Rangkakerja Kajian	45
2.4.1	Kerangka Konsep Kajian	46
2.6	Rumusan	48

3.0 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	49
3.2	Reka Bentuk Kajian	50
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	50
3.4	Tempat Kajian	51
3.5	Instrumen	52
3.5.1	Struktur Instrumen	53
3.5.2	Penilaian Instrumen	54
3.5.3	Kajian Rintis	55
3.6	Pembolehubah Kajian	55
3.6.1	Pembolehubah Bersandar	55
3.6.2	Pembolehubah Bebas	56

3.7	Tatacara Pengumpulan Data	56
3.7.1	Pembentukan Soal Selidik	56
3.7.2	Mentadbir Soal Selidik	57
3.8	Tatacara Penganalisan Data	57
3.8.1	Pengutipan Data	57
3.8.2	Kaedah Analisis Statistik	58
3.9	Rumusan	69

4.0 ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	60
4.2	Huraian Latar Belakang Responden	61
4.2.1	Taburan Responden Berdasarkan Jantina	61
4.2.2	Pencapaian Peperiksaan Matematik	62
4.2.3	Analisis Tahap Sosio Ekonomi Ibu Bapa	62
4.3	Soalan Kajian	68
4.3.1	Tahap Status Sosio Ekonomi Ibu Bapa	68
4.3.2	Tahap Penglibatan Ibu Bapa	69
4.3.3	Hubungan Status Sosio Ekonomi dengan Pencapaian	69
4.3.4	Hubungan Penglibatan dengan Pencapaian	70
4.3.5	Hubungan Tahap Sosio Ekonomi dan Penglibatan Ibu Bapa dengan Pencapaian Matematik	71
4.4	Hipotesis Kajian	72
4.4.1	Hubungan Status Sosio Ekonomi dengan Pencapaian	72
4.4.2	Hubungan penglibatan Ibu Bapa dengan Pencapaian	72
4.4.3	Hubungan Tahap Status Sosio Ekonomi dan Penglibatan Ibu Bapa dengan Pencapaian Matematik	73
4.5	Rumusan	74

5.0 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	76
5.2	Perbincangan	76
5.3	Kesimpulan	79
5.4	Implikasi	80
5.5	Cadangan	81
5.6	Kesimpulan	82

SENARAI RAJAH

		Muka Surat
Rajah 2.1	Teori Ekologi Bronfenbrenner 1979	24
Rajah 2.2	Kerangka Teori Perhubungan Ibu Bapa – Anak.	25
Rajah 2.3	Hirarki Keperluan Maslow	28
Rajah 2.4	Struktur External Model Teoritikal Pertindihan Sfera Pengaruh Keluarga dan Sekolah ke atas Pembelajaran Pelajar	46
Rajah 2.5	Kerangka Konseptual Kajian yang Diadaptasi daripada Kerangka Model Enam Penglibatan Epstein (1995)	47

SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 1.1	Analisis Prestasi dan Gred Purata Matematik bagi Tahun 2010 dan 2011	8
Jadual 3.1	Kompenan Pembolehkan Status Sosio Ekonomi Ibu Bapa	53
Jadual 3.2	Kategori Penglibatan Ibu Bapa	54
Jadual 3.3	Nilai Kebolehpercayaan Item Ujian Penglibatan Ibu Bapa	55
Jadual 4.1	Taburan Frekuensi dan Peratus Responden Berdasarkan Jantina	61
Jadual 4.2	Pencapaian Peperiksaan Matematik	62
Jadual 4.3	Taraf Pendidikan Ibu Bapa	63
Jadual 4.4	Maklumat Ibu Bapa : Pendapatan	63
Jadual 4.5	Taraf Pekerjaan Ibu Bapa	63
Jadual 4.5	Analisis Tahap Perbincangan Ibu Bapa di Rumah	65
Jadual 4.6	Analisis Tahap Penyeliaan Ibu Bapa di Rumah	66
Jadual 4.7	Analisis Tahap Komunikasi Ibu Bapa di Rumah	67
Jadual 4.8	Tahap Status Sosio Ekonomi	68
Jadual 4.9	Tahap Penglibatan Ibu Bapa	69
Jadual 4.10	Hubungan Sosio Ekonomi Dengan Pencapaian Matematik	69
Jadual 4.11	Hubungan Penglibatan Dengan Pencapaian Matematik	70
Jadual 4.12	Hubungan Status Sosio Ekonomi dengan Penglibatan Ibu Bapa Dengan Pencapaian Matematik	71
Jadual 4.13	Hipotesis Kajian 1	72
Jadual 4.14	Hipotesis Kajian 2	72
Jadual 4.15	Hipotesis Kajian 3	73
Jadual 4.16	Kesimpulan Analisis	74

SENARAI SINGKATAN

KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
SPI	Surat Pekeliling Ikhtisas
NKRA	Bidang Keberharilan Utama Nasional
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
GPA	<i>Grade Point Average</i>
CGPA	<i>Cummulative Grade Point Average</i>
1M1S	1Murid 1Sukan
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SSE	Status Sosio-ekonomi
SPSS	<i>Statistical Package of Sosial Science</i>
H _o	Hipotesis nol

LAMPIRAN

LAMPIRAN A : Borang Soal Selidik



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam bab ini membincangkan tentang senario umum yang menjadi latar kepada kajian, pernyataan masalah, soalan kajian, hipotesis kajian, kesignifikanan kajian serta batasan kajian.

Pelbagai usaha dijalankan untuk membangunkan masyarakat dari segi sosial mahupun ekonomi semenjak negara mencapai kemerdekaan. Dari segi pembangunan ekonomi, program pembasmian kemiskinan dan mengurangkan jurang perbezaan pendapatan di antara kaum merupakan salah satu matlamat negara melalui Dasar Ekonomi Baru (1970). Tumpuan ekonomi negara beralih secara mendadak daripada sektor pertanian kepada sektor perindustrian dan kini beralih ke arah negara berteknologi tinggi. Oleh itu, fungsi pendidikan dalam konteks pembangunan ekonomi negara semakin penting terutama dalam merealisasikan matlamat wawasan 2020. Salah satu cabaran wawasan adalah menjadikan Malaysia sebagai negara perindustrian yang maju dan mempunyai ekonomi yang bebas, berdikari dan mempunyai daya saing yang tinggi dan ini memerlukan tenaga kerja yang berilmu pengetahuan, kreatif dan berpandangan jauh yang perlu dilahirkan melalui sistem pendidikan negara.

Negara maju berpendapatan tinggi berjaya dibangunkan sekiranya sistem pendidikan negara dapat menyediakan tenaga kerja mahir yang diperlukan untuk mengendalikan setiap aspek dalam negara. Institusi pendidikan merupakan pembekal tenaga kerja dan keciciran dalam pendidikan merupakan satu pembaziran tenaga kerja dalam konteks pembangunan negara.

Globalisasi menjadikan dunia mengecil dari segi perhubungan manusia kerana kepantasan perkembangan teknologi maklumat dan kegiatan ekonomi tanpa sempadan antara sesebuah negara (Utusan Malaysia 15 April 2001) adalah realiti dan perlu dihadapi. Kini pada abad ke-21, negara menghadapi cabaran dalaman dan luaran akibat dari kesan globalisasi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001). Semua perubahan mampu dihadapi melalui pendidikan yang dipercayai menjadikan sistem sosial, politik dan ekonomi sesebuah negara menjadi teguh dan digeruni oleh pihak lain (Ishak Sin, 2003).

Muhyiddin Bin Hj Mohd Yassin (2012), menyatakan banyak kejayaan dalam bidang pendidikan telah dicapai oleh negara sejak merdeka tapi kualiti pendidikan perlu dipertingkatkan supaya tidak ketinggalan dalam menghadapi persaingan global yang semakin sengit. Sumber manusia yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi melalui pendidikan yang berkualiti perlu untuk mewujudkan negara maju berpendapatan tinggi melalui gagasan Wawasan 2020. Transformasi pendidikan perlu bagi melahirkan modal insan kreatif dan inovatif serta berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Dalam kajian semula pendidikan ini, sembilan bidang utama akan diberi perhatian iaitu memartabatkan profesion keguruan dengan meningkatkan kualiti akademik, latihan pra dan dalam perkhidmatan, menambah bilangan guru dan peluang perkembangan kerjaya. Kualiti kepimpinan sekolah dipertingkatkan dengan memperkenalkan bai'ah dan pemilihan pemimpin berdasarkan merit dan pelan peralihan kepimpinan sekolah berkesan. Kualiti sekolah akan dipertingkatkan dengan membekalkan kemudahan ICT termasuk kemudahan jalur lebar dan internet berkelajuan tinggi. Kualiti kurikulum dan pentaksiran akan dipertingkatkan bagi memenuhi piawaian antarabangsa yang menekankan aspek kemahiran kreatif, penyelesaian masalah dan inovasi.

Penguasaan pelbagai bahasa iaitu Bahasa Malayu, Bahasa Inggeris dan salah satu bahasa antarabangsa akan dipertingkatkan. Penglibatan ibu bapa, sektor swasta dan masyarakat dipertingkatkan bagi memperluaskan persekitaran dan peluang pembelajaran melangkaui sempadan sekolah. Kesediaan murid untuk merebut peluang pendidikan tinggi dan pasaran kerja perlu ditingkatkan dengan menguasai literasi dan numerasi serta kemahiran-kemahiran abad ke-21 bagi peluang kerjaya dan kehidupan lebih selesa. Kecekapan dan keberkesanan pengurusan sumber diperbaiki dengan melaksanakan program yang berimpak tinggi, mengelakkan keterasan dan pembaziran serta sumber dapat diagih dengan optima agar mendapat pulangan maksimum. Kemampuan dan keupayaan sistem penyampaian pendidikan dibina agar dapat berfungsi dengan cekap dan berkesan.

Najib Tun Razak (2010) melancarkan Buku Program Transformasi Kerajaan yang mendokumenkan inisiatif kerajaan bagi merealisasikan Gagasan 1 Malaysia "Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan" menyenaraikan bidang Pendidikan sebagai salah satu agenda dalam Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) yang diberi keutamaan. Aspirasi NKRA Pendidikan memberi penekanan kepada meningkatkan pencapaian pelajar secara holistik dari segi intelektual, emosi, rohani dan jasmani. Peningkatan pencapaian pelajar pada semua peringkat pendidikan adalah penting untuk membangunkan modal insan yang cemerlang bagi menghasilkan tenaga kerja mahir supaya hasrat Malaysia menjadi negara membangun berpendapatan tinggi menjelang 2020 dicapai. Aspirasi Pendidikan juga adalah memastikan pendidikan berkualiti dan berkemampuan dapat dikecapi oleh semua pihak bagi membaikpulih dan meningkatkan taraf kehidupan penduduk Malaysia secara menyeluruh.

Habib Mat Som (2008) menyatakan pendidikan di Malaysia sedang melalui era transformasi yang memberi kesan kepada minat ibu bapa yang tinggi terhadap perkembangan pendidikan dan persekolahan anak-anak baik di peringkat pra sekolah, pendidikan rendah, menengah mahupun institusi pengajian tinggi.

Perkembangan minat ini adalah implikasi dari kesedaran mengenai kepentingan pendidikan bagi memajukan diri dalam menghadapi cabaran kehidupan yang semakin sengit. Menurut Rozalan (1993), prestasi dalam peperiksaan kerap digunakan untuk mengukur pencapaian akademik seseorang. Di Malaysia, peperiksaan digunakan untuk mengukur pencapaian pelajar dalam sesuatu mata pelajaran. Ketua Pendidikan Malaysia menyatakan penilaian pengetahuan, pencapaian dan kejayaan pelajar dalam sesuatu peperiksaan dinilai daripada markah dan gred yang diperolehi dalam peperiksaan.

Menurut Brembeck dalam Badariah (1999), pencapaian akademik seseorang dikatakan mempunyai pertalian yang rapat dengan status sosio ekonomi keluarga. Ini bermaksud lebih tinggi latar belakang sesebuah keluarga maka lebih tinggi kadar pencapaian akademik seseorang pelajar itu. Masyarakat semakin prihatin dan mengikuti perkembangan pendidikan dan kritikal terhadap isu berbangkit berkaitan kemajuan anak-anak. Pihak perancang pendidikan perlu melihat isu dan cabaran yang berbangkit secara menyeluruh dan komprehensif. Para pendidik perlu mentafsir pendidikan dalam era globalisasi secara holistik. Sifat semulajadi pendidikan yang dinamik dan bertindak balas kepada kemajuan semasa memerlukan kesediaan semua pihak untuk memotivasikan pelajar untuk memperolehi kecemerlangan dari segi kognitif, kemahiran, spiritual dan sosial. Peranan ibu bapa dalam mencorakkan pendidikan anak-anak mereka adalah penting.

Pencapaian pelajaran dan tahap pendidikan secara umum berkait rapat dengan keluarga dan pengaruhnya terhadap anak-anak mereka. Tahap ekonomi keluarga seperti tahap kekayaan atau kemiskinan memberi kesan kepada pencapaian di kalangan murid-murid sekolah. Keadaan keluarga yang mempunyai latar belakang sosial berbeza menyumbang kepada perbezaan pencapaian akademik. Tahap sosio-ekonomi sesebuah keluarga dapat memberikan sumbangan pada pelajar untuk mendapatkan peluang pendidikan yang sebaik mungkin. Secara tidak langsung ia akan mempengaruhi hubungan terhadap pencapaian akademik pelajar terbabit.

Pencapaian akademik pelajar merupakan satu aspek yang sentiasa diberikan perhatian oleh semua pihak yang terlibat di dalam bahagian pendidikan.

1.2 Latar Belakang Masalah

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, guru menggunakan pelbagai strategi dan kaedah pengajaran bagi membantu murid memahami pengajaran dengan lebih cepat dan berkesan. Namun begitu kepelbagaian teknik dan strategi bukanlah sesuatu yang mutlak dalam membantu mempertingkatkan tahap pemahaman dan seterusnya pencapaian murid dalam matapelajaran matematik. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pencapaian murid dalam pembelajaran. Di antaranya ialah taraf sosioekonomi dan persekitaran keluarga. Taraf sosio-ekonomi dan persekitaran keluarga boleh mempengaruhi sikap dan minat pelajar terhadap pelajaran dan seterusnya memberi kesan terhadap pencapaian mereka.

Keluarga merupakan sebuah institusi yang mampu mempengaruhi ahli-ahlinya yang terdiri dari ibu bapa dan anak-anaknya. Ibu bapa sebagai pengurus bertanggungjawab untuk membentuk dan memastikan anak-anaknya menjadi insan yang berguna dan mampu menyumbang ke arah kebaikan sejagat. Di samping itu, ibubapa mempunyai peranan yang penting di dalam mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak mereka. Menurut Amina (1994) keluarga adalah merupakan guru terawal bagi anak-anak. Ini kerana didikan keluarga merupakan faktor utama yang mempengaruhi perkembangan anak-anak. Oleh itu bermula dari rumah dimana ibu bapa menjadi contoh kepada anak-anak. Pemikiran dan sikap ibu bapa dikatakan banyak mempengaruhi kanak-kanak sehingga mereka dewasa melalui bimbingan dan pendidikan yang sempurna di rumah. Oleh yang demikian, peranan ibu bapa mempengaruhi pencapaian pelajar dalam akademik dan ini berlaku sejak kecil lagi. Menurut Rozumah (2001), masalah kepincangan peranan keluarga banyak mempengaruhi serta menjejaskan pendidikan anak-anak mereka.

Struktur dan nilai keluarga tersebut sering dipengaruhi oleh kecekapan yang membabitkan proses memperbaiki kedudukan ekonomi serta peningkatan pencapaian diri ibu bapa tersebut. Menurut Ishak dan rakan-rakan (1983) faktor status sosio-ekonomi keluarga boleh mempengaruhi pencapaian anak-anak dalam bidang pelajaran. Status sosio-ekonomi mempunyai perkaitan dengan pendidikan ibu bapa. Ini kerana ibu bapa yang mempunyai pendidikan yang baik kebiasaanya bersikap mengambil berat dan memberi perhatian terhadap pembelajaran anak-anak khususnya ketika anak-anak mengulangkaji pelajaran di rumah.

Menurut Sharma (1983) penglibatan keluarga dalam proses pembelajaran anak-anak di negara ini tidak begitu baik dan membimbangkan kerana faktor ibu bapa bekerja. Ini kerana ibu bapa yang bekerja mempunyai masa yang terhad untuk bersama-sama dengan anak-anak dan menyebabkan pendidikan anak-anak di rumah terabai. Menurut Sharifah Alwiyah (1988) sikap ibu bapa yang tidak menganggap kemajuan dalam pelajaran anak-anak dapat mengubah keadaan hidup mereka telah menyumbang kepada dorongan yang tidak positif kepada anak-anak. Ini mengakibatkan ibu bapa tidak mengambil berat dalam pencapaian pelajaran anak-anak dan menjadi contoh yang tidak baik kepada anak-anak.

Smith (2003) mengkaji punca pencapaian rendah dan perbezaan pencapaian di kalangan murid yang meningkat remaja. Kajian dilakukan terhadap masyarakat kelas pekerja (*working class community*). Pada keseluruhannya pencapaian akademik dikalangan murid-murid adalah rendah terutamanya di kalangan murid lelaki. Pencapaian murid perempuan adalah lebih baik daripada murid lelaki dalam pencapaian matapelajaran bahasa. Dalam mata pelajaran lain seperti Sains dan Matematik, didapati tiada perbezaan pencapaian yang ketara antara murid lelaki dan perempuan.

Namun, pada masa yang sama kajian peringkat antarabangsa seperti TIMSS pada tahun 2007 menunjukkan bahawa pencapaian pelajar Malaysia dalam Matematik dan Sains semakin menurun, malahan jurang pencapaian antara Negara Malaysia dengan Negara jiran seperti Singapura dan Hong Kong semakin melebar iaitu sebanyak 20 peratus berbanding hanya 5 peratus pada tahun 2003. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa sistem pendidikan Malaysia harus bertindak pantas supaya tidak terus ketinggalan dalam persaingan pendidikan pada peringkat antarabangsa. Justeru, dalam GTP ini, NKRA Pendidikan diberi keutamaan.

Menurut Azrul (2002) kelemahan di bidang Matematik ini bukan hanya dialami di peringkat sekolah menengah sahaja tetapi meliputi peringkat sekolah rendah dan di institusi pengajian tinggi. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Arshad ketika menganalisis prestasi keputusan peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) pada tahun 1992 menyatakan purata hanya 50 peratus murid-murid luar bandar terutamanya murid-murid Melayu lulus dalam mata pelajaran Matematik dan tidak mencapai 75% seperti yang diharapkan oleh Kementerian Pendidikan. Pada tahun 2007, 59 negara yang mengambil bahagian dalam kajian TIMSS, yang dilaksanakan di Sekolah Pendidikan Lynch, Boston College, Chestnut Hill, Massachusetts, Amerika Syarikat itu, ada negara yang skor purata pencapaian pelajarnya meningkat sedikit atau menurun sedikit.

Kemerosotan skor purata pencapaian pelajar Malaysia sebanyak 34 mata bagi Matematik dan 40 mata bagi Sains adalah signifikan, mengikut laporan itu dan terbesar sekali di kalangan 59 negara itu. Selaras dengan perkembangan Sains dan Teknologi, penguasaan dan penggunaan Matematik amat penting dalam kehidupan seharian. Berdasarkan hakikat ini, mata pelajaran Matematik telah diberi penekanan sama ada di peringkat sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi. Mata pelajaran Matematik memberi pengetahuan asas kepada kerja mengira dan meningkatkan kebolehan pelajar dalam memahami dan memperihalkan fenomena Matematik dalam situasi kehidupan sebenar.

Pelajar juga diharapkan dapat menggunakan kemahiran Matematik untuk menyelesaikan masalah dalam bidang Sains, Ekonomi dan Kejuruteraan. Dari aspek Matematik, konsep pendidikan Matematik bertujuan meningkatkan kebolehan pelajar dalam memahami struktur, saling hubungan, prinsip, ruang dan konsep Matematik. Kementerian Pendidikan sedar bahawa Matematik merupakan subjek penting bagi mengukuhkan kefahaman kepada mata pelajaran yang lain. Namun demikian, pencapaian mata pelajaran Matematik di kalangan pelajar sekolah di negara ini masih pada tahap rendah sama ada dari segi kualiti mahupun kuantiti.

Mutu pencapaian yang rendah ini amat membimbangkan dan memberi kesan kepada mata pelajaran lain (Laporan Jawatan Kuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran). Menurut Pengarah Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), Dr. Sharifah Maimunah Syed Zin (2002) berkata masalah itu tetap berlaku walaupun kerajaan memberi penekanan serius terhadap pembangunan bangsa yang cerdik Sains dan Teknologi serta menyediakan pelbagai insentif.

Jadual 1:1 Analisis Prestasi dan Gred Purata Matematik bagi Tahun 2010 dan 2011

Mata Pelajaran	Tahun	Bil. Duduki	Peratus Calon						GPMP
			A	B	C	ABC	D	E	
015+025+035 Mathematics	2010	482,198	37.2	19.3	29.3	85.8	7.4	6.8	2.27
	2011	484,802	36.9	19.4	30.4	86.7	7.1	6.2	2.26
	Beza	2,604	-0.3	0.1	1.1	0.9	-0.3	-0.6	-0.01

Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia (17 Nov 2011)

Peratusan calon yang mendapat Gred A bagi mata pelajaran Matematik menurun sebanyak 0.3% daripada tahun sebelumnya. Namun, peratusan calon yang mendapat Gred ABC meningkat sebanyak 0.9%. Pada keseluruhannya, prestasi Matematik meningkat dengan nilai GPMP sebanyak 0.01. Peratusan calon yang mendapat Gred A dan Gred ABC juga menurun sebanyak 2.0%.

Memandangkan betapa pentingnya pendidikan Matematik dalam kehidupan manusia zaman ini, perkembangan pendidikan Matematik dan kemajuannya serta kepentingan dalam perkembangan Sains dan Teknologi amat dipandang serius. Lantaran itu, faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian mata pelajaran Matematik di kalangan pelajar sekolah rendah perlu dikenalpasti dan dibuat kajian secara terperinci. Pengkaji telah menetapkan faktor sosio ekonomi ibu bapa dan penglibatan ibu bapa sebagai faktor yang mempengaruhi pencapaian mata pelajaran Matematik pelajar tahun 5 di lima buah sekolah di kawasan Zon 1 di Daerah Tambunan.

1.3 Pernyataan Masalah

Peperiksaan pertengahan atau akhir tahun di sekolah rendah biasanya diadakan bagi menilai pembelajaran setiap pelajar di sekolah-sekolah tersebut. Keputusan peperiksaan menunjukkan perbezaan pencapaian di kalangan murid-murid walaupun mereka diajar oleh guru yang sama dan dalam kelas yang sama pula. Selain daripada faktor minat dan kebolehan individu murid, faktor latar belakang sosial keluarga turut memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pencapaian murid-murid sekolah. Latar belakang sosial keluarga yang dimaksudkan ialah taraf sosio ekonomi keluarga iaitu pendapatan keluarga, tahap pelajaran ibu bapa, dan pekerjaan ibu bapa dalam sesebuah keluarga. Status sosio ekonomi keluarga membezakan tahap pencapaian murid-murid sekolah rendah dan tidak ketinggalan dalam mata pelajaran matematik.

Pada setiap tahun, berpuluh-puluh ribu pelajar Malaysia telah mengikuti mata pelajaran Matematik. Namun demikian, masalah pencapaian rendah Matematik masih lagi wujud. Mengapakah keadaan ini berlaku? Adakah sistem pendidikan kita sekarang masih jauh ketinggalan jika berbanding dengan negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Jepun? Sekiranya keadaan ini berterusan, hasrat kerajaan untuk menjadi negara maju pada tahun 2020 tidak dapat direalisasikan.

Kementerian Pendidikan juga telah menggubal satu Kurikulum Bersepadu yang merangkumi aspek rohani dan jasmani sesuai dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Walau bagaimanapun, pencapaian Matematik masih tidak memuaskan kerana pelajar menganggap Matematik merupakan salah satu mata pelajaran yang susah. Akibatnya, kekallah tanggapan mereka akan gagal dalam Matematik. Menurut Dungun (1990), tanggapan yang positif terhadap Matematik akan mengarahkan kepada pencapaian yang baik dan tinggi dalam bidang berkenaan dengan begitu sebaliknya.

Permasalahan yang wujud dalam kajian ini adalah kesan taraf sosio-ekonomi dan penglibatan keluarga ke atas pencapaian matematik. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sama ada taraf sosio-ekonomi dan penglibatan keluarga mempunyai kesan yang signifikan atau tidak terhadap pencapaian matematik di kalangan pelajar. Abdul Fatah (1994) pula menyatakan lazimnya keluarga Melayu di kampung tidak mengambil berat terhadap faktor pemakanan dan faktor pendedahan mental anak-anak disebabkan status sosio-ekonomi yang rendah. Ini ditambah dengan pandangan Ketua Pengarah Pelajaran, Ahmad Sipon (2005) yang menyatakan Kementerian Pelajaran tidak berpuas hati terhadap pencapaian mata pelajaran Matematik khususnya di kalangan pelajar bumiputera di sekolah kebangsaan.

Menurut Suradi (2000) wujud kepentingan perhubungan antara status keluarga dengan pencapaian akademik anak-anak. Ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan yang baik dapat memberangsangkan anak-anak untuk berjaya dan mereka lebih prihatin terhadap keperluan pendidikan anak-anak. Ini disokong oleh Lim (1998) yang menyatakan faktor-faktor dalam status sosio-ekonomi seperti pendidikan, pendapatan, jenis pekerjaan dan sikap ibu bapa mempunyai perkaitan dengan pencapaian akademik pelajar.

Menurut Azrul (2002) faktor kewangan menyebabkan pelajar bumiputera menghadapi masalah dalam pendidikan. Kebanyakan masyarakat bumiputera terdiri daripada golongan yang sederhana dari segi kehidupan. Ini mendorong pelajar bumiputera merasa tersisih dalam mendapatkan sistem pendidikan yang baik peringkat awal. Ketidakupayaan ini salah satu punca pelajar bumiputera tidak cemerlang dalam pelajaran. Kajian ini dianggap perlu dijalankan di kawasan ini memandangkan terdapat banyak rungutan dan keluhan dari para guru sekolah rendah pada masa ini kerana terdapat ibu bapa yang datang dari status sosio ekonomi yang rendah menyebabkan mereka tidak dapat meluangkan masa untuk mengambil tahu berkaitan pendidikan anak-anak.

Kesuntukan masa ibu bapa yang kurang berpelajaran, tekanan kerja, suasana rumah dan usia anak yang semakin meningkat menyebabkan wujud jurang di antara ibu bapa dan anak-anak di rumah yang kurang melibatkan diri dengan anak-anak. Kajian ini mengakses kesan pencapaian akademik murid terhadap pengaruh faktor penglibatan ibu bapa dan status sosio ekonomi yang berkaitan dengan penglibatan keibubapaan dan kesan status sosio-ekonomi yang berkaitan. Pengkaji akan membuat kajian tentang pencapaian akademik murid-murid dalam mata pelajaran Matematik bagi pelajar tahun 5 sekolah kebangsaan berdasarkan keputusan peperiksaan penggal kedua.

1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini dijalankan untuk melihat hubungan di antara status sosio-ekonomi dan penglibatan ibu bapa mempengaruhi pencapaian akademik mata pelajaran Matematik pelajar. Kajian ini mempunyai beberapa objektif khusus iaitu;

- a. Mengenalpasti tahap status sosio-ekonomi ibu bapa pelajar sekolah rendah luarbandar kawasan Zon 1 Daerah Tambunan.
- b. Mengenalpasti tahap penglibatan ibu bapa pelajar sekolah rendah luar bandar kawasan Zon 1 Daerah Tambunan.